

Ucapan  
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein  
Menteri Pertahanan Malaysia

Perhimpunan Bulanan dan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan 2016

Tarikh : 25 Oktober 2016 (Selasa)  
Tempat : Dewan Perkasa, Wisma Perwira  
Masa : 11.00 pagi

---

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang dihormati saudara/saudari pengerusi majlis,

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum  
Timbalan Menteri Pertahanan

Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ybhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Zulkifeli bin Haji Mohd Zin  
Panglima Angkatan Tentera Malaysia

Ybhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato' Timbalan Ketua Setiausaha dan Panglima-  
Panglima Perkhidmatan

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM

Seterusnya warga Kementerian Pertahanan dan ATM yang dikasihi sekalian.

## **MUKADIMAH**

1. Saya ingin mulakan dengan merafakkan rasa syukur yang setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT. Kerana sesungguhnya, hanya dengan limpahan rahmat dan keizinan-Nya, kita semua berpeluang untuk berkumpul pada hari ini. Bagi menjayakan dua lagi acara besar dan penting kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Iaitu Perhimpunan Bulanan dan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan 2016.

2. Malah, saya ingin sekali memanjatkan rasa syukur yang amat mendalam terhadap ruang dan keupayaan yang diberikan oleh-Nya untuk kita semua selama ini. Sehingga kita mampu mengemudi dan menggerakkan Kementerian Pertahanan mengikut perancangan. Dalam kesibukan kita melunaskan segala tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan tersebut, sedar tidak sedar kita sudah hampir tiba ke penghujung tahun 2016.
3. Jadi, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua tetamu yang hadir, untuk kita meluangkan sedikit masa, bagi mengimbuu dan mengimbas kembali. Apakah pencapaian yang sudah kita catatkan sejak bermulanya fajar 2016 sehingga hari ini. Agar segala yang baik, kita teladani dan jadikan pembakar semangat. Agar yang jelik, kita sempadani dan ambil beringat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Seawal Januari tahun ini, bertempat di puncak dingin Awana Genting, kita bersama-sama dengan beberapa pemegang taruh pertahanan, iaitu Kementerian Pertahanan, ATM dan rakan industri pertahanan telah memuktamadkan Hala Tuju 2016 Kementerian Pertahanan.
5. Dalam konsensus tersebut, kita putuskan 5 Teras, yang dikenali sebagai Doktrin Awana, untuk kita jadikan panduan dalam memimpin segala fokus dan gerak kerja kita pada tahun ini. Maka, selari dengan prinsip dan strategi yang digariskan dalam Dasar Pertahanan Negara, sebanyak 105 program telah kita senarai pendek dan dikenal pasti untuk dilaksanakan. Namun begitu, dek kerana keperluan dan tuntutan yang hadir kemudiannya, segala inisiatif ini terus kita kembangkan menjadi 123 program, setakat September tahun.
6. Perkara ini dengan sendirinya menonjolkan beberapa perkara yang positif dan membanggakan:-

7. Pertama, ini bermakna keseluruhan penggerak ekosistem pertahanan negara – Kementerian Pertahanan, ATM dan industri pertahanan, amat fokus dan mengikut dengan baik segala yang telah kita rancang.
8. Kedua, ia menggambarkan keanjalan kita dalam menjalankan tugas dan melaksanakan pelan tindakan.
9. Ketiga, ia membuktikan kepekaan kita terhadap keperluan semasa.
10. Keempat, pertambahan inisiatif ini menunjukkan kepentingan untuk sentiasa menambah baik perancangan yang dilakukan pada awal tahun.
11. Dan kelima, yang juga merupakan perkara paling relevan dengan perhimpunan kita hari ini, ia menunjukkan kepentingan inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan tugas.
12. Atas dasar itu, dengan penuh tulus dan ikhlas, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan secara rasmi dan terbuka, setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan syabas kepada semua anggota Kementerian Pertahanan, ATM serta agensi-agensi berkaitan. Tahniah dan syabas semua!

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Seterusnya, saya ingin pergi secara lebih spesifik dengan meneliti pula pencapaian di bawah setiap satu Teras yang sedang kita laksanakan.
14. **Pertama, Teras Kebajikan Anggota dan Veteran ATM.**
15. Kebajikan anggota dan veteran ATM merupakan keutamaan tinggi bagi saya dan Kementerian Pertahanan. Sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada segala jasa dan pengorbanan mereka dalam memelihara kedaulatan negara sepanjang perkhidmatan dalam ATM, sebanyak 10 inisiatif besar di bawah teras ini telah diperkenalkan.

16. Ia merangkumi aspek-aspek kritikal seperti pendidikan, program perumahan, perkhidmatan kesihatan dan bantuan sosial, pemantapan aspek kerohanian, serta pembangunan kapasiti dan peluang ekonomi.
17. Inisiatif-inisiatif tersebut ialah:
- a. Penambahbaikan sistem Tred dan Band (*Payband*) Anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) ATM, yang bertujuan meringankan beban anggota ATM dalam mendepani cabaran ekonomi semasa. Ia telah memberi manfaat kepada seramai 76,771 anggota LLP.
  - b. Perluasan dan pembaharuan Program Feri Sekolah ke seluruh negara bagi menggantikan penggunaan lori tentera dengan bas sekolah. Lebih 15,000 anak-anak anggota ATM telah menikmati kemudahan ini tahun lalu dan kita akan perluaskan lagi program ini pada tahun 2017.
  - c. Kementerian Pertahanan melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) membina rumah mampu milik yang akan dijual lebih murah daripada harga pasaran di Bukit Jalil, Segari, Perak, Mutiara Rini di Johor.
  - d. Pembinaan Rumah Keluarga Anggota Tentera atau RKAT yang mensasarkan pembinaan sebanyak 4,000 unit kediaman dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun depan. Sebagai permulaan, sebanyak 339 buah rumah telah dimulakan pembinaannya pada tahun ini.
  - e. Di bawah program *NBOS 1 Malaysia Veteran Recognition Programme (1MVRP)*, projek bantuan pembinaan rumah-rumah baharu serta penambahbaikan rumah-rumah anggota veteran turut dilaksanakan. Projek ini telah ditetapkan sebagai KPI baharu saya selaku Menteri Pertahanan dan ia melibatkan pembinaan sebanyak 100 buah rumah baharu serta pembaikpulihan 100 buah rumah veteran ATM.
18. **Kedua, Teras Kesiapsiagaan.**

19. Di bawah teras ini, keupayaan kemahiran dan kecanggihan teknologi ketenteraan ATM telah kita perkasakan secara serius dan strategik.
20. Misalnya, pembelian 4 pesawat pengangkut strategik A400, perletakan lunas (*keel laying*) *Littoral Combat Ship* (LCS) pertama TLDM, melakukan ujitembak sistem pertahanan udara jarak dekat (VSHORAD) StarStreak di Lapang Sasar Darat ke Udara Tanjung Logok di Johor, serta mengatugerak kereta perisai Gempita AV8 dan 4x4 Lipan Bara ke ESSCOM sebagai tambahan kepada pembinaan *Forward Operating Base* di Lahad Datu.
21. Kita juga telah memperkenalkan 2 Pangkalan Laut (sea basing) di perairan timur Sabah bagi memperkukuh keselamatan. Ia merupakan konsep pertama seumpamanya di dunia yang menggabungkan kerjasama strategik Kementerian Pertahanan dengan Petronas.
22. Dan terbaru, pada 5 November 2016 nanti, Kementerian Pertahanan akan menandatangani satu kontrak bagi perolehan *Littoral Mission Ship* (LMS) dengan pihak SASTIND, yang merupakan intipati penting kepada Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke China hujung bulan ini.
23. **Bagi teras yang ketiga iaitu, Teras Keselamatan.**
24. Saya ingin mulakan dengan menegaskan bahawa Teras Keselamatan merupakan antara teras paling kritikal dan diberikan perhatian khusus oleh Kementerian Pertahanan.
25. Peningkatan tahap keselamatan di sempadan dan Zon Maritim Malaysia merupakan antara fokus utama yang kita gariskan di bawah Teras ini. Dan perkara ini kita terjemahkan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang mendasar dan bersepadu.
26. Antaranya, lawatan ke Pos Gabungan di Kampung Biawak, di Sarawak, tinjauan Rondaan Maritim Selat Melaka (*Malacca Straits Sea Patrol* (MSSP) termasuk kesiapsiagaan anggota yang bertugas di KD Mahawangsa, tinjauan

ke Pangkalan Laut Sharifah Rodziah di perairan Timur Sabah, lawatan kerja ke kawasan operasi Op Pasir di Pulau Pandanan, Sabah serta lawatan kerja ke Unit PASKAL di KD Semporna di Semporna, Sabah. Tinjauan dan lawatan kerja ini adalah bagi meneliti sendiri keperluan dan ruang penambahbaikan kepada struktur dan strategi kawalan sempadan kita.

27. Kita juga telah menubuhkan 31 Briged Sempadan di Sarawak bagi meningkatkan keupayaan tempur dan mengimbangi bebanan tugas pasukan-pasukan infantri di Sabah dan Sarawak serta penguasaan sempadan daratan sepanjang 2,019.5 km di antara Sabah/Sarawak-Kalimantan.
28. Selain sempadan fizikal dan batas geografi, keselamatan siber juga menjadi salah satu fokus di bawah Teras ini. Dan suka untuk saya tegaskan bahawa perkara ini merupakan satu pendekatan yang bukan sahaja baru, malah mencerminkan kepekaan kita.
29. Malah, secara tidak langsung menguji keupayaan kita sebagai sebuah pasukan keselamatan. Ini kerana, ancaman keselamatan bukan fizikal dan konvensional seperti ini bukan sahaja memerlukan kepakaran untuk menganalisa punca dan simptomnya. Malahan memerlukan kepakaran khas serta ketelitian yang luar biasa untuk mengawal kesan dan penyebarannya.
30. Atas dasar itu, kita telah ambil tindakan proaktif dengan menubuhkan Unit Khas Pertahanan Siber (cyber defence) pada tahun lalu. Cyber defence adalah sistem yang dibangunkan untuk melindungi serta mencegah sistem pertahanan negara daripada diserang atau diceroboh.
31. Antara aspek utama yang menjadi fokus cyber defence ketika ini ialah i) pemantauan rapi terhadap sebarang aktiviti berbentuk ancaman-ancaman siber yang berpotensi mengancam sistem dan rangkaian pertahanan negara, ii) pengukuhan sistem pertahanan siber terhadap sistem infra ICT, iii) pengauditan keselamatan siber (security posture audit), iv) aktiviti siber forensik.

32. Berdasarkan kesedaran ini jugalah, di bawah **Teras Keempat**, kita telah menetapkan **Diplomasi Pertahanan** sebagai salah satu daripada pendekatan penting negara semasa keadaan aman. Pelbagai usaha kerjasama telah kita meterai di bawah Teras ini. Saya secara peribadi telah mengepalai delegasi Kementerian Pertahanan untuk menghadiri pelbagai siri forum dan mesyuarat serantau dan antarabangsa untuk mengukuhkan diplomasi pertahanan Malaysia.
33. Dalam Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-US di Hawaii pada 2 Oktober 2016 yang lalu misalnya, isu-isu keselamatan semasa di rantau Asia Tenggara termasuk isu Laut Cina Selatan dan keganasan Daesh telah dibincangkan. Kesemua Menteri Pertahanan ASEAN dan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Ashton Carter, telah berkongsi pandangan mengenai kebimbangan pengganas Daesh yang akan pulang ke negara asal atau bertapak di tempat-tempat baharu sekiranya Islamic States di Iraq dan Syria tewas.
34. Susulan mesyuarat tersebut, delegasi Kementerian Pertahanan bertemu pula dengan rakan kerjasama kita di Perancis dan Turki. Semasa di Paris, kedua-dua negara, Malaysia dan Perancis kekal komited dan bersetuju untuk meningkatkan kerjasama terutamanya dalam industri pertahanan. Banyak aset ATM seperti LCS Gowind Combat yang kini dalam pembinaan dan kapal selam Scorpene yang sedang melalui proses *refit*, diperolehi dari Perancis.
35. Manakala semasa di Ankara, lawatan saya ke sana telah memberi anjakan baharu terhadap hubungan dua hala dan kerjasama pertahanan antara Malaysia-Turki. Dan lanjutan kepada lawatan tersebut, kerjasama pertahanan kita dengan Turki akan diperkukuhkan dengan cadangan satu mesyuarat *High Level Committee* yang akan ditetapkan kemudian.
36. Selain itu, hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi melalui pendekatan moderate of Islam, kesatuan ummah serta kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara sentiasa diperkukuhkan. Dalam konteks ini, Arab Saudi sentiasa mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh Malaysia, walaupun dari

segi geografinya kita hanyalah sebuah negara yang kecil. Malaysia dilihat sebagai sebuah negara Islam yang membangun dan moderat, yang perlu didampingi dalam membangunkan ummah serta bagi mendepani cabaran semasa termasuk ancaman Daesh. Saya bersama rakan sejawatan saya dari Arab Saudi, Timbalan Putera Mahkota Mohammad bin Salman dan Menteri Dalam Negeri, Putera Mahkota Mohammad bin Naef, sentiasa berhubung rapat.

37. InsyaAllah, pada penghujung bulan ini saya akan mengikuti lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke negara China. Antara intipati penting lawatan kerja tersebut adalah menyentuh soal bidang pertahanan negara. China merupakan rakan kongsi penting serta rakan istimewa Malaysia yang mana hubungan kerjasama kedua-dua buah negara telah dirintis lebih 40 tahun yang lalu. Kerjasama pertahanan Malaysia-China perlu terus diperkukuh terutama dalam keadaan dunia yang tidak menentu hari ini termasuk terpaksa berhadapan dengan ancaman keganasan.
38. Dan bagi **Teras Kelima, iaitu Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0**, kita telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu. Ia termasuklah memperkasakan secara holistik Briged Sukarelawan Khidmat Negara atau BSKN dan membantu para pelatih PLKN mendapatkan kemahiran di Institut-Institut Kemahiran supaya lebih kompetitif dalam pasaran kerja.
39. Keseluruhan program kita di bawah teras kelima ini lebih difokuskan kepada usaha untuk meningkatkan kapasiti dan daya kepimpinan generasi muda. Merekalah pewaris bangsa, merekalah pembela agama dan merekalah kelak yang akan memimpin negara ini. Jadi, sejak dari awal lagi kita telah menganggap Teras Kelima ini sebagai bonus atau sumbangan tulus dan pelaburan masa depan Kementerian Pertahanan kepada rakyat dan negara Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,



40. Kini hanya berbaki 2 bulan sahaja lagi untuk kita melaksanakan segala program yang telah dirancang sehingga akhir tahun 2016. Jadi, pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan beberapa perkara yang mesti kita beri perhatian sebelum berlabuhnya tirai 2016.
41. **Pertama:** Isu Laut Cina Selatan merupakan satu cabaran besar bagi Malaysia serta ASEAN. Kita mesti bersama-sama mencari jalan penyelesaian terbaik kepada konflik ini agar ia tidak merebak menjadi krisis serantau.
42. **Kedua:** Marilah kita bersama-sama memikirkan dan mencari pendekatan paling efektif dalam memerangi ideologi Daesh. Ia mesti dilihat sebagai ancaman yang besar yang tidak boleh kita kesampingkan sama sekali.
43. **Ketiga:** Tingkatkanlah integriti dan etika dalam menjalankan amanah besar negara ini. Mutakhir ini, pendedahan demi pendedahan dibuat oleh SPRM melibatkan kakitangan awam. Saya berharap, tidak ada dalam kalangan kita yang terjebak dalam perkara seumpama ini. Dan saya memberi amaran keras bahawa kita tidak akan bertoleransi dengan segala salah laku yang memperjudikan masa depan negara ini.
44. **Keempat:** Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput seluruh warga Kementerian Pertahanan dari pihak atasan sehinggalah ke kumpulan sokongan bagi memberi idea untuk pembentukan Hala Tuju Kementerian Pertahanan 2017. Hantarlah segala saranan, pandangan dan cadangan tuan-tuan dan puan-puan ke [halatuju2017@mod.gov.my](mailto:halatuju2017@mod.gov.my) mulai 1 hingga 30 November 2016. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan di peringkat perancangan ini akan pastinya menjadikan Hala Tuju Kementerian Pertahanan 2017 satu sasaran yang inklusif, realistik dan mewakili semua warga Kementerian Pertahanan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

45. **Bagi tahun 2017,** terdapat beberapa perkara yang kita perlu beri perhatian terutama selepas pembentangan Bajet 2017 baru-baru ini. Secara

keseluruhannya, Kementerian Pertahanan diperuntukkan sejumlah RM15.1 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM11.7 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pengurusan (OE) manakala RM3.37 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan (DE).

46. Berbekalkan peruntukan ini, Kementerian Pertahanan akan memastikan projek-projek perolehan dan pembangunan yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2017 termasuk meneruskan **48 projek** yang sedang kita laksanakan pada tahun ini. Antara projek tersebut adalah pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8 X 8, pembinaan Hangar Pesawat Nuri PUTD, perolehan Kenderaan Perisai 4x4, perolehan 6 unit Multipurpose Armed Reconnaissance Helicopter MD530G, perolehan 6 buah Second Generation Patrol Vessel Littoral Combatant Ship (SGPV-LCS), perolehan 4 buah Pesawat Airbus 400M, perolehan Sistem Radar SOC 3 dan Infra Kota Samarahan Sarawak.
47. Dalam bajet kali ini juga, kita akan memberi tumpuan kepada **aspek penyenggaraan dan peningkatan keupayaan aset-aset sedia ada**, bagi memastikan aset-aset tersebut dapat digunakan dengan efektif serta berada dalam tahap kesiapsiagaan tinggi. Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah refit 2 buah kapal selam scorpene, peningkatan keupayaan pesawat pejuang Hawk, pesawat pengangkutan C130 dan peningkatan keupayaan helikopter Nuri.
48. Manakala, bagi inisiatif **memperkuhkan tahap kesiapsiagaan ATM dan keselamatan Sabah**, kita akan memastikan projek-projek sedia ada diteruskan seperti 6 buah kapal tempur pesisir 'Littoral Combatant Ship', perolehan Sistem Persenjataan Ground Base Air Defence (GBAD) - Very Short Range Air Defence (VSHORAD), kereta perisai dan kelengkapan teknologi terkini, mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.
49. Ini tidak termasuk pelbagai inisiatif lain seperti memenuhi kelengkapan peralatan dan anggota untuk pengoperasian Pangkalan Laut Tun Azizan dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, refit 2 buah Kapal Selam Scorpene, penempatan kenderaan perisai AV8 GEMPITA di Kem Kukusan, Tawau,

penaiktarafan Pangkalan Udara Labuan, Penempatan kenderaan berperisai 4x4 (Lipan Bara), penempatan Squadron Hawk di PU Labuan, EC-725 dan penaiktarafan Pangkalan TLDM, Teluk Sepanggar, projek infrastruktur pembinaan Kem Tentera Darat ESSCOM di Felda Sahabat, Lahad Datu dan pembinaan Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) di Lahad Datu, Sabah.

50. Selain itu, sebanyak **RM114 juta diperuntukkan pada tahun depan untuk menyiapkan jalan di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak di bawah Projek Jiwa Murni.**
51. Bajet 2017 juga membenarkan Kementerian Pertahanan terus fokus kepada pembinaan **Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)** yang lebih kondusif melalui 12 projek RKAT di seluruh Malaysia. Projek ini akan menelan kos sebanyak RM1.2 bilion untuk tempoh 5 tahun serta memberi manfaat kepada hampir 4,000 keluarga.
52. Kementerian Pertahanan juga akan terus mengukuhkan tumpuannya dalam **menambahbaik aspek kebajikan anggota dan veteran ATM.** Ia sekali gus menyerlahkan penghargaan kerajaan kepada pegawai dan anggota ATM serta keluarga mereka atas jasa, keringat, pengorbanan serta sifat profesionalisme yang mereka sumbangkan kepada negara selama ini. Keprihatinan ini termasuklah melibatkan anggota dan veteran ATM yang tercedera mahupun terkorban semasa bertugas. Melalui **Insentif Khas Insurgensi ATM berjumlah RM55 juta**, faedah akan diperluaskan kepada veteran ATM yang cedera atau keluarga (bagi veteran yang meninggal dunia) sebelum tahun 2001 iaitu yang tidak menerima faedah di bawah Pekeliling Perkhidmatan bilangan 7 tahun 2001. Peruntukan ini akan memberi manfaat kepada 3,499 orang Veteran ATM. Ia merupakan Insentif baru sebagai tambahan kepada pencen hilang upaya yang sedang diterima oleh Veteran ATM sekarang. Kementerian Pertahanan juga akan meneruskan pemberian **5 Skim Bantuan Kebajikan kepada Veteran ATM** iaitu, Bantuan Sara Hidup, Bantuan Kemasukan Ke IPT, Bantuan Bencana Alam, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Persekolahan.

53. Dalam pada itu, peruntukan Bajet 2017 juga membolehkan Kementerian Pertahanan meneruskan **perkhidmatan feri sekolah untuk anak-anak ATM** di seluruh Malaysia. Ini adalah satu inisiatif yang amat dekat di hati saya untuk memastikan keselamatan dan keselesaan anak-anak anggota ATM terjamin. Inisiatif ini akan memberi faedah kepada 15,629 anak-anak bersekolah melibatkan lebih kurang 6,000 keluarga ATM seluruh Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

54. Berbalik kepada acara kita pada hari ini. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekaligus meraikan Hari Inovasi 2016 peringkat Kementerian Pertahanan. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 54 penyertaan telah diterima untuk dinilai dan dipertimbangkan bagi menerima Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2016. Jadi, sempena majlis yang bermakna ini, kita bakal menyaksikan sebentar lagi penyampaian anugerah inovasi bagi 5 kategori yang menjadi fokus pada tahun 2016. Saya ingin terlebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua bakal penerima anugerah ini.
55. Malah, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan Perkhidmatan Pergigian ATM yang telah memenangi Tempat Pertama Kategori Perkhidmatan, dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Negara 2016 baru-baru ini. Mereka telah berjaya mengungguli kategori tersebut melalui satu inovasi menarik yang dinamakan sebagai "*Portable Dental Treatment Unit Compact and Tough*". Pasti kejayaan ini sungguh membanggakan kita semua. Jadi, sekali lagi, syabas serta tahniah saya ucapkan kepada semua anggota pasukan yang terlibat.
56. Selain daripada pencapaian ini, Kementerian Pertahanan juga telah berjaya menghantar 4 pencalonan lagi bagi pelbagai anugerah inovasi yang lain. Antara yang dapat saya kongsi di sini ialah:
- a. Pencalonan bagi Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016 melalui *The Safewhere Initiative* oleh ATM.

- b. 5 penyertaan bagi Majlis Persada Inovasi Sektor Awam yang akan diadakan pada 14 hingga 15 November 2016 di MITC Melaka.
- c. 4 projek inovasi bagi Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan peringkat kebangsaan; dan
- d. 2 projek bagi kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi peringkat kebangsaan.

57. Sesungguhnya, saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan berharap kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

58. Realitinya, sambutan Hari Inovasi ini merupakan salah satu platform untuk kita memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang komited dalam usaha melaksanakan projek-projek inovasi. Ia secara tidak langsung dapat menjadi inspirasi kepada semua warga Kementerian Pertahanan yang lain. Apa yang boleh saya katakan, Kementerian Pertahanan akan terus komited dalam melaksanakan segala program inovasi seperti ini bagi memastikan hasil kerja kita sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

59. Sebelum berakhir, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama, kerja keras serta komitmen yang cemerlang daripada semua kakitangan Kementerian Pertahanan, ATM dan agensi-agensi berkaitan sepanjang tahun 2016 ini. Semoga kita akan dapat meneruskan kecemerlangan yang lebih baik pada tahun hadapan, insyaAllah.

Sekian, terima kasih.